



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA LAWATAN KERJA YB DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI
KE PULAU PINANG**

4 SEPTEMBER 2018

1. YB Dr Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah mengadakan Lawatan Kerja ke Pulau Pinang pada hari ini 4 September 2018. Turut hadir adalah YBhg. Datuk Haji Suhaimi Bin Haji Mamat, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Sumber Asli), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) serta beberapa orang pegawai daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Bekalan Air (JBA), Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS)
2. Antara agenda lawatan kerja beliau adalah bagi memantau pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang dan Empangan Mengkuang, Pulau Pinang.

A. Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang

3. Projek ini merupakan sebahagian daripada peruntukan yang diluluskan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM150 juta bagi pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang Fasa 3. Projek RTB Sungai Pinang Fasa 3 ini akan memberikan

manfaat kepada kira-kira 150,000 orang penduduk di dalam kawasan perlindungan banjir seluas 300 hektar.

4. Secara umumnya, projek RTB Lembangan Sungai Pinang telah dilaksanakan bermula pada tahun 1996 melalui Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7) sehingga tahun 2004 melalui Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), yang melibatkan peruntukan sebanyak RM8.3 juta **bagi melindungi penempatan berhampiran muara Sungai Pinang daripada kejadian banjir.**
5. Pelaksanaan projek secara fizikal dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 2019 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2023. Skop Projek RTB Sungai Pinang Fasa 3 ini antara lain merangkumi pembinaan ban pelindung banjir (*Earth Levee, Flood Wall*), pembinaan pintu kawalan air, jambatan, saluran dalaman, kolam takungan banjir, perangkap sampah dan struktur kawalan saluran.

B. Empangan Mengkuang

6. Pada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pinjaman sebanyak RM 232 juta bagi tujuan pengambilan tanah dan reka bentuk Projek Pembesaran Empangan Mengkuang, Pulau Pinang. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pula, peruntukan geran berjumlah RM 1 bilion telah diluluskan bagi pembinaan keseluruhan pembesaran Empangan Mengkuang termasuk struktur empangan, rumah pam dan paip air mentah.

7. Projek Pembesaran Empangan Mengkuang, Pulau Pinang melibatkan 2 fasa. Fasa 1 merangkumi pembinaan empangan baharu di lembah kiri dan peninggian aras empangan di lembah kanan sebanyak 11 meter yang telah siap keseluruhannya pada 10 April 2017 dan kini dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan yang akan berakhir pada 16 November 2019.
8. Fasa 2 terbahagi kepada Fasa 2(A) melibatkan komponen menaik taraf Rumah Pam Mak Sulong dan telah siap pada 28 September 2017 dan kini dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan yang akan berakhir pada 27 September 2019.
9. Rumah Pam Mak Sulong yang terletak di Daerah Seberang Perai Tengah merupakan salah satu komponen utama projek Pembesaran Empangan Mengkuang yang dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air (JBA), KATS bagi memastikan kelangsungan sumber air mentah di Negeri Pulau Pinang. Dibina dengan kos bernilai RM63.5juta, Rumah Pam Mak Sulong telah siap sepenuhnya pada 28 September 2017 dan berkeupayaan untuk mengepam 200-400 Juta Liter Sehari (JLH) air mentah dari Sungai Kulim ke Empangan Mengkuang yang mengambil masa lebih kurang 2 tahun untuk dipenuhi.
10. Fasa 1 dan Fasa 2(A) yang telah siap akan meningkatkan kelestarian sumber air mentah kerana **Empangan Mengkuang adalah sumber air kontingensi untuk loji rawatan air (LRA) Sungai Dua yang membekalkan 84% keperluan air Negeri Pulau Pinang.**

**KEMENTERIAN AIR TANAH DAN SUMBER ASLI
4 SEPTEMBER 2018**